



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kerani rugi RM 6,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)  
Date: 19 January 2018

Language: Bahasa Malaysia  
Section: Tempatan  
Page: 1



## **KERANI RUGI RM6,000 DITIPU MACAU SCAM**

**SIBU:** Seorang kerani wanita kerugian RM6,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis untuk memperdayakannya bahawa dia terlibat dalam kes pengubahan wang haram di sini.

Kejadian berlaku selepas mangsa berusia 40 tahun itu menerima panggilan daripada seorang individu yang memberitahu mangsa bahawa dia perlu membuat semakan akaun miliknya dan diarah untuk membuka akaun baharu di bank lain sebelum memindahkan kesemua wangnya ke dalam akaun itu.

Keesokannya mangsa terkejut apabila menyedari dirinya diperdayakan apabila membuat semakan penyata akaun baharu itu dan mendapati wang telah dipindahkan orang yang tidak dikenali.

Ketua Polis Daerah ACP Stanley Jonathan Ringgit memberitahu, pihaknya sudah berkali-kali memberi peringatan kepada orang awam tentang penipuan ini tetapi masih ramai yang tidak peka.

“Kami telah memberi peringatan melalui pelbagai saluran mengenai Macau Scam, malangnya masih ada yang terkena perangkap penipuan,” katanya ketika dihubungi.

Katanya, pengadu hanya menerima satu panggilan daripada suspek pertama yang mengaku sebagai pegawai polis menyatakan dia telah terlibat dengan kes pengubahan wang haram.

Dia kemudian disambung kepada suspek kedua yang mengaku sebagai ‘Inspektor Mok’ dan memberitahu bahawa pengadu perlu membuat semakan terhadap akaun miliknya.

“Suspek mengarahkan pengadu untuk membuat akaun baharu di sebuah bank di sini dan memberikan maklumat kad ATM berserta

nombor PIN,” katanya sambil menegaskan, tindakan tersebut sering ditegah pihak bank.

Selasa lalu, pengadu membuka akaun di sebuah bank dan seperti yang diarahkan, dia bertindak memindahkan wang daripada tiga akaun bank miliknya ke akaun baharu tersebut dengan jumlah keseluruhan RM6,000.

Apabila pengadu melakukan semakan penyata akaun baharu kelmarin, dia mendapati pemindahan wang yang dilakukannya tidak terpapar pada penyata bank.

Stanley berkata, suspek memperdayakan pengadu untuk mendedahkan maklumat kad ATM dan nombor PIN di mana kesempatan itu membolehkan suspek untuk membuat pemindahan wang ke akaun suspek sendiri.

“Kes tersebut disiasat Bahagian Siasatan Jenayah Komersial IPD Sibu di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana disyaki menipu,” tambahnya.

